



## **MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI**

# **SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH & INFRASTRUKTUR**

*Disediakan oleh :-  
Bahagian Kawalan Infrastruktur,  
Jabatan Kejuruteraan.*

*Pindaan :- Jan ' 2021*

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	Syarat Am Pengemukaan Pelan	1
B	Kandungan Pelan-Pelan	1
	1. Pelan kunci /punca (key plan)	1
	2. Pelan lokasi (location plan)	1
	3. Pelan tapak (site plan)	2
	4. Pelan susunatur kerja tanah (earthwork layout)	2
	5. Pelan kawalan hakisan kelodak (erosion & sediment control plan/ESCP)	3
	6. Pelan tembok penahan (retaining wall)	3
	7. Pelan jalan (road)	3
	8. Pelan perparitan (drainage)	4
	9. Pelan kolam takungan (detention pond atau on site detention)	5
	10. Pelan jambatan (bridge)	6
C	Panduan kod warna dalam pelan bagi Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan	8
D	Butiran Kerja Tanah	11
	1. Kehendak - Kehendak Am	11
	2. Kerja Di Tapak	11
E	Butiran Jalan	12
	1. Kehendak - Kehendak Am	12
	2. Struktur Jalan Raya Turapan Berbitumen (Flexible Pavement)	12
	3. Struktur Jalan Konkrit (concrete pavement)	15
	4. Struktur Jalan Konkrit Memanca (Interlocking concrete paving)	15
	5. Kecerunan Muka Jalan	15
	6. Perabut Jalan (Road Furniture)	15
	7. Tanda Jalan (Road Markings)	16
	8. Penanaman Rumput (Turfing)	16
F	Parit / Longkang / Pembentung	16
	1. Kehendak Am	16
	2. Struktur Rekabentuk	16

## **SYARAT-SYARAT DAN GARISPANDUAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH DAN INFRASTRUKTUR**

### **(A) SYARAT AM PENGEMUKAAN PELAN**

1. Fee bagi Kerja tanah dan Infrastruktur
  - 1.1 Sebagaimana dalam Jadual Lampiran A yang mana mengikut Undang-Undang Kecil Kerja tanah MDJBT 1995 dan dasar majlis bagi penambahbaikan yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am (JKKPA : 176/2009) bilangan 12/2009.
2. Borang-borang yang perlu dikemukakan
  - 2.1 Borang-borang hendaklah dikemukakan oleh Jurutera Awam yang berkeelayakan beserta dengan lain-lain dokumen sebagaimana dalam senarai semak yang disediakan oleh Jabatan Urusetia Pusat Setempat (OSC).
  - 2.2 Borang E1 untuk perakuan pelan-pelan kerja tanah / infrastruktur dan Borang E2 ialah notis untuk memulakan atau penyambungan semula kerja-kerja tanah / infrastruktur (contoh borang dilampirkan).
  - 2.3 Lain-lain borang yang melibatkan prosedur Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) hendaklah mengemukakan Borang G yang berkaitan seperti Borang G1, G2, G3, G17 dan G19 (contoh borang dilampirkan).
3. Pelan-pelan hendaklah ditandatangani oleh orang yang berkeelayakan (Jurutera Awam), pemilik dan lengkap dengan cop serta alamat penuh. Ruang atas sebelah kanan pelan hendaklah dikosongkan bagi tujuan cop dan tandatangan kelulusan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT).
4. Semua pelan-pelan kelulusan yang telah sempurna mengikut kehendak-kehendak majlis hendaklah dijilid dalam size A4 minima sebanyak 3 set salinan bewarna (1 salinan linen) dengan berkulit keras tidak melebihi 125mm tebal bagi setiap jilid.

### **(B) KANDUNGAN PELAN-PELAN**

#### **1. Pelan kunci / punca (key plan)**

- 1.1 Hendaklah menunjukkan kedudukan tapak cadangan dalam bentuk peta jalan atau peta kawasan Daerah Johor Bahru.

#### **2. Pelan lokasi (location plan)**

- 2.1 Hendaklah menunjukkan kedudukan dan arah ke tapak cadangan serta nyatakan nama-nama tempat atau jalan-jalan utama yang berdekatan atau sekeliling sediaada.

**3. Pelan tapak (site plan)** seperti berikut :

- 3.1 Skala minima 1:1000 atau mengikut kesesuaian saiz projek dengan warna yang jelas.
- 3.2 Tunjukkan dengan jelas keadaan sediaada atau semulajadi yang ada di tapak dari segi jalan masuk, sungai, parit, alurair dan kecerunan tanah.
- 3.3 Lengkap nombor lot tanah dan garisan keseluruhan sempadan tanah dengan jelas.
- 3.4 Tunjukkan jalan masuk ke tapak dari jalan sediaada dan namakan jalan tersebut. (jika ada)
- 3.5 Tunjukkan arah parit saluran air parit dan laluan jalan dari tapak kesempadan luar.
- 3.6 Arah, titik utara, nombor-nombor lot tanah dan bangunan berhampiran jika ada.
- 3.7 Tunjukkan dimensi ukuran-ukuran jalan, peparitan, aras tanah dan lain-lain yang berkaitan secara kasar.

**4. Pelan susunatur kerja tanah (Earthwork layout)** seperti berikut :

- 4.1 Hendaklah menunjukkan garisan kontor, kawasan tambakan serta potongan, garisan sempadan tanah, garisan pelan keratan tanah, kedudukan tembok penahan tanah, kedudukan parit atau jalan sediaada dan kedudukan cerun atau lembah.
- 4.2 Pelan kontor 1.5 meter menunjukkan garisan yang bersambungan dengan skala minima 1:500 atau mengikut kesesuaian saiz projek.
- 4.3 Pelan keratan lintang dan bujur skala minima 1:100 untuk skala tegak dan 1:500 untuk skala datar atau mengikut kesesuaian saiz projek.
- 4.4 Penambakan dan pemotongan (cut & fill) tanah hendaklah ditunjukkan dengan warna yang berbeza dalam susunatur topografi dan bacaan garisan kontor perlu ditunjukkan dengan jelas hingga masuk kesempadan tanah bersebelahan sediaada.
- 4.5 Keseluruhan pelan susunatur (overall layout) perlu ditunjukkan dalam satu helai lukisan dan jika sekil tidak mencukupi hendaklah dibuatkan matchline untuk dipecahkan beberapa bahagian atau plot untuk lebih mudah disemak.
- 4.6 Garisan pelan keratan dalam susunatur perlu ditunjukkan secara melintang dan membujur dengan jaraknya bergantung kepada bentuk rupabumi ditapak tersebut atau saiz projek.
- 4.7 Pelan butiran keratan perlu dibezakan warna diantara kawasan dan tambakan dan potongan mengikut sebagaimana pelan susunatur.

- 4.8 Pelan butiran keratan tambakan dan potongan perlu menunjukkan aras tinggi datum dan jarak. Kedudukan jalan, parit dan tembok penahan perlu ditunjukkan.

**5. Pelan Kawalan Hakisan Kelodak (Erosion & Sediment Control Plan/ESCP) seperti berikut :**

- 5.1 Hendaklah menunjukkan catchment boundry, earthbank, earthdrain, sediment basin atau silt trap, arah aliran air kelodak dan kedudukan wash trough, silt fence, check dam, stock pile, silt curtain, seeding & planting.
- 5.2 Temporary earthdrain dan earthbund perlu ditunjukkan dalam pelan layout lengkap dengan tunjuk arah aliran air kelodak hingga ke sediment basin / silt trap.
- 5.3 Sediment basin / silt trap layout perlu ditunjukkan dengan jelas rekabentuk struktur penapis kelodak, arah aliran air kelodak masuk, arah aliran air kelodak keluar hingga ke parit sediaada.
- 5.4 Pelan butiran (detail) sediment control / silt trap termasuk drainage outlet protection, earthbank, retaining wall, slope section termasuk nisbahnya dan vehicle wash trough.
- 5.5 Laporan pengiraan hidraulik untuk ESCP perlu dikemukakan 1 set.

**6. Pelan Tembok Penahan (Retaining wall) seperti berikut :**

- 6.1 Pelan butiran (detail) tembok penahan atau lain-lain rekabentuk penstabilan cerun hendaklah dikemukakan dalam pelan elevation dan section termasuk struktur tetulang (jika ada).
- 6.2 Jika projek berskala besar contoh 10 ekar ke atas pelan susunatur Earthwork ESCP dan Tembok Penahan hendaklah diasingkan supaya mudah disemak dan ukuran panjang serta tinggi perlu ditunjukkan.
- 6.3 Pengiraan rekabentuk tembok penahan atau lain-lain penstabilan cerun perlu dikemukakan bersama-sama permohonan.

**7. Pelan Jalan (Road) seperti berikut :**

- 7.1 Pelan keseluruhan susunatur (overall layout) perlu ditunjukkan dalam satu helai lukisan dan jika sekil tidak mencukupi hendaklah dibuat matchline dengan membahagikan beberapa petak (sheet) atau plot untuk lebih mudah disemak.
- 7.2 Jika ada jalan jenis Konkrit, Interlocking Block hendaklah dibezakan simbol dan warnanya dalam pelan susunatur dan pelan butiran.
- 7.3 Platform atau susunatur (layout) jalan menunjukkan lebar laluan jalan (pavement) lebar rezab jalan, kedudukan jambatan dan pembentong.

- 7.4 Lebar muka jalan, simpang jalan, zon penampakan, kawasan hijau atau lapang, parit utama, kolam takungan, tembok penahan perlu ditunjukkan.
- 7.5 Lorong pencepatan (acceleration) dan pelambatan (deceleration) perlu ditunjukkan dengan jelas ukuran lebar dan panjang.
- 7.6 Pelan butiran (detail) ketebalan lapisan jalan, lebar jalan, gully trap, longkang tepi jalan (side drain), junction, median dan kerb perlu ditunjukkan.
- 7.7 Pelan keratan melintang dan memanjang hendaklah mengikut sekil yang sesuai dan data bacaan boleh dibaca.
- 7.8 Pelan susunatur tunjuk arah lalulintas (traffic flow) hendaklah lengkap dengan garisan jalan (road marking), penanda jalan (signage), lampu isyarat (traffic light) dan perabut jalan (road furniture).
- 7.9 Pelan butiran perabut jalan seperti guardrail, railing dan lain-lain papan tanda jalan mengikut garis panduan Arahan Teknik Jalan.
- 7.10 Pelan butiran penanda garisan jalan (road markings) dan penanda jalan (signs).

**8. Pelan Perparitan (Drainage)** seperti berikut :

- 8.1 Pelan keseluruhan susunatur (overall layout plan) perlu ditunjukkan dalam satu helai lukisan dan jika sekil tidak mencukupi hendaklah dibuat matchline dengan membahagikan beberapa petak (sheet) atau plot untuk lebih mudah disemak.
- 8.2 Platform atau susunatur (layout) perparitan menunjukkan arah aliran air, manhole, pembentungan (culvert), sump dan outlet structure hingga ke longkang utama atau sediada.
- 8.3 Layout perparitan perlu menunjukkan saiz ukuran parit / longkang / jambatan, pembentong, jarak antara manhole atau sump.
- 8.4 Invert level hendaklah ditunjukkan pada setiap sump atau manhole dan parit utama (main drain).
- 8.5 Semua jenis parit longkang hendaklah dinyatakan jenis rekabentuknya dalam susunatur dan petunjuk (legend).
- 8.6 Tunjuk arah aliran air perlu ditunjukkan dengan simbol anak panah.
- 8.7 Pelan butiran (detail) untuk manhole, sump, culvert, parit, longkang terbuka atau tertutup (conceal drain) dengan planview, section, elevation dan rekabentuk struktur tetulang (jika ada).

- 8.8 Pelan butiran (detail) penyambungan paip gully atau scupper drain untuk longkang tertutup atau terbuka perlu ditunjukkan dan plan view, section dan elevation (jika perlu).
- 8.9 Pelan butiran (detail) maindrain, monsun drain, collector drain, culvert perlu jelas ditunjukkan dalam jajaran pelan susunatur, plan view, section dan elevation.
- 8.10 Pelan butiran keratan maindrain dan collector drain termasuk outlet structure dan cascading. Petunjuk aras air pengiraan Q5, Q50 dan Q100 perlu dinyatakan serta aras kedalaman air dari dasar.
- 8.11 Laporan pengiraan hidraulik dan hidrologi semua jenis perparitan perlu dikemukakan 1 set.

**9. Pelan Kolam Takungan (Detention Pond atau On Site Detention) seperti berikut :**

- 9.1 Rekabentuk hendaklah mengikut manual saluran Mesra Alam Malaysia (MASMA). Semua pengiraan hidraulik perlu dirujuk kepada volume 7 dan chapter yang digunakan untuk semakan.
- 9.2 Rekabentuk kolam hendaklah menunjukkan tempoh berkala (Return period) 5 tahun, 50 tahun dan 100 tahun. Pengiraan Q5, Q50 dan Q100 perlu ditandakan pada aras air (water level) dalam pelan keratan.
- 9.3 Rekabentuk yang dibenarkan ialah Dry Detention Pond atau Wet Detention Pond. Rekabentuk Wet Detention Pond boleh dibenarkan bagi tujuan rekreasi atau landskap dengan keluasan kolam minima 1.5 ekar hanya untuk Lot individu atau berstrata.
- 9.4 Tempoh rekabentuk menakung air selama 5 jam sebelum dikeluarkan ke parit utama / sungai atau mengikut sebagaimana yang disyaratkan oleh Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- 9.5 Kedalaman hakiki (keadaan normal) bagi Wet Detention Pond ialah minima 1.2 meter dari dasar.
- 9.6 Keseluruhan pelan susunatur (layout) perlu ditunjukkan dalam satu lukisan termasuk menunjukkan kedudukan parit utama atau sungai sediaada dan tunjuk arah air masuk (inlet) dan air keluar (outlet) perlu dinyatakan dengan jelas.
- 9.7 Setiap pelan susunatur hendaklah lengkap dengan kedudukan inlet structure, outlet structure, dry weather flow (untuk dry pond) dan perimeter drain (jika ada).
- 9.8 Di sekeliling kolam perlu disediakan pagar dawai atau railing bagi keselamatan orang awam. Pagar ini dipasang minima 2 meter dari tebing cerun kolam dan sediakan pintu pagar bagi tujuan penyelenggaraan.

- 9.9 Kenyataan saiz dimensi kolam, keluasan aras bawah, keluasan aras atas, isipadu takungan dan kedalaman kolam perlu dinyatakan dalam pelan susunatur.
- 9.10 Simbol kecerunan tebing kolam perlu dilukis dan lain-lain struktur seperti sump, culvert, orifis serta wingwall perlu dinyatakan ukuran saiz dimensi yang diperlukan dalam pelan layout.
- 9.11 Invert level hendaklah ditunjukkan pada setiap inlet structure dan outlet structure dalam pelan layout termasuk dalam pelan butiran keratan yang dikemukakan.
- 9.12 Pelan-pelan butiran perlu ditunjukkan ialah dibahagian inlet structure, outlet structure, dry weather flow, perimeter drain (jika ada), sump, wingwall dengan lukisan, plan, section, elevation, plan view (jika ada).
- 9.13 Pelan On Site Detention (OSD) perlu ditunjukkan juga dalam pelan layout lengkap dengan pelan butiran bahagian inlet structure, outlet structure, sump, emergency spill way dengan lukisan pelan section, elevation, plan view (jika ada) dengan data-data yang diperlukan sama seperti kehendak-kehendak pelan Detention Pond.
- 9.14 Semua pelan-pelan rekabentuk struktur konkrit hendaklah dikemukakan plan structure (R. C. drawing) yang lengkap.
- 9.15 Laporan pengiraan hidraulik dan hidrologi hendaklah dikemukakan 1 set.

#### **10. Pelan Jambatan (Bridge)** seperti berikut :

- 10.1 Kemukakan keseluruhan pelan susunatur (layout) dalam pelan tapak termasuk menunjukkan saiz jambatan, jajaran sungai atau parit, jajaran jalan-jalan yang terlibat. Jajaran-jajaran tersebut hendaklah ditunjukkan sekurang-kurangnya 50 meter dari kedudukan jambatan.
- 10.2 Semua laluan utility seperti kabel TNB, TELEKOM, paip SAJH tidak dibenarkan di atas jambatan kecuali kabel elektrik untuk pemasangan lampu jalan atas jambatan (jika ada)
- 10.3 Kedudukan tiang jambatan tidak dibenarkan berada ditengah-tengah aliran sungai atau parit.
- 10.4 Pelan susunatur jambatan perlu ditunjukkan jelas ukuran lebar, panjang, kedudukan tembok penahan tebing (jika ada) dan abutment.
- 10.5 Pelan side elevation perlu menunjukkan kedudukan tiang, abutment, tembok penahan tebing, cerun tebing, paras pengiraan rekabentuk Q5, Q50, Q100, termasuk minima 'free board' dari aras bawah jambatan, rasuk, lantai dan railing.



- 10.6 Pelan cross section dan long section hendaklah lengkap dengan rekabentuk tetulang dan kemukakan pelan butiran pada bahagian-bahagian yang berkaitan.
- 10.7 Pelan-pelan juga perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikenakan oleh pihak JPS atau JKR (jika ada).
- 10.8 Semua butiran pelan-pelan struktur hendaklah dikemukakan lengkap berwarna.

## **(C) PANDUAN KOD WARNA DALAM PELAN BAGI KERJA TANAH, JALAN DAN PERPARITAN**

Catitan : Semua warna-warna hendaklah dalam bentuk cat asas (plain colour) dan garisan yang berlorek tidak dibenarkan kerana menyebabkan kacauganggu pada simbol-simbol garisan yang lain.

- 1 Pelan Kerja tanah
  - 1.1 Pelan layout dan keratan rentas
    - i) Pemotongan (cut) – Hijau dan penambakkan (fill) – kuning  
atau
    - ii) Pemotongan (cut) – Merah dan penambakkan (fill) – Biru
  - 1.2 Tanda simbol keratan tanah – Coklat berlorek
  - 1.3 Silt trap / Sediment Basin
    - i) Coklat muda dan tanda simbol cerun (slope) – hitam  
atau
    - ii) Merah muda dan tanda simbol cerun (slope) – Hitam
  - 1.4 Temporary earth drain dan lain-lain garisan aliran air tunjuk arah – Hitam tebal.
  - 1.5 Garisan limit of work – hitam atau merah dengan garisan putus-putus.
  - 1.6 Garisan sempadan tanah – Hitam atau merah tidak boleh putus-putus.
  - 1.7 Garisan kedudukan tembok penahan – Coklat atau Merah tidak boleh putus-putus.
- 2 Pelan Jalan
  - 2.1 Pelan layout
    - i) Permukaan jalan baru – Kuning
    - ii) Permukaan jalan sediaada (Existing) – Coklat muda atau putih sahaja.
    - iii) Zon penampakan dan bahu jalan – Hijau
    - iv) Permukaan jalan konkrit – Merah muda
    - v) Permukaan jalan interlocking block – Merah muda serta simbol berlorek
    - vi) Garisan dimensi dan tunjuk arah – Hitam

- vii) Tanda simbol cerun / lurah – Coklat muda dan garisan simbol cerun – Hitam
- 2.2 Pelan keratan rentas
- i) Subgrade – Coklat dan berlorek tanda simbol tanah
  - ii) Sub base, road base – Kelabu atau hijau muda
  - iii) Turapan premix – Hitam
  - iv) Turapan konkrit – Hijau
  - v) Tapak interlocking block – Merah muda
- 3 Pelan Perparitan
- 3.1 Pelan layout
- i) Garisan parit / longkang tertutup atau terbuka – Biru
  - ii) Garisan parit utama, sungai, kolam takungan dan tasek – Biru
  - iii) Tanda simbol sump kotak segiempat, wingwall dan cascading – Hitam
  - iv) Tanda simbol manhole penutup bulat – Hitam penuh
  - v) Pembentung (culvert) merentasi jalan – Coklat
- 4 Pelan-pelan butiran (Detail)
- 4.1 Konkrit dan pasir
- i) Plan dan elevation – Kuning atau hijau
  - ii) Section – Hijau serta tanda simbol konkrit
- 4.2 Batu-bata
- i) Plan dan elevation – Merah muda
  - ii) Section – Merah serta tanda simbol lorek batu-bata
- 4.3 Tanah
- i) Plan dan elevation - Coklat
  - ii) Section – Coklat serta tanda simbol lorek tanah
  - iii) Slope section – Coklat serta tanda simbol lorek

- iv) Pemotongan (cut) dan penambakkan (fill) – ikut warna pelan kerjatanah
- v) Rumput (turfing) – Hijau

#### 4.4 Perabut Jalan

- i) Guardrail dan handrail – Biru atau kuning
- ii) Lain-lain papantanda – Tidak perlu diwarnakan

## **(D) BUTIRAN KERJA TANAH**

### **1. Kehendak - Kehendak Am**

- 1.1 Segala prosedur kerja tanah hendaklah mematuhi kelulusan pelan dari MPJBT, Undang-Undang Kecil Kerja tanah MDJBT 1995 tertakluk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 70A.
- 1.2 Kerja tanah adalah bermaksud apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas, menebang pokok di atas tanah, atau lain-lain perbuatan yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah.
- 1.3 Jurutera perunding yang memperakui pelan-pelan hendaklah menjalankan penyeliaan dan pemeriksaan untuk memastikan kerja tanah mengikut pelan-pelan, spesifikasi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak majlis, pindaan-pindaan pelan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak majlis dalam kelulusan pelan.
- 1.4 Jurutera perunding hendaklah memberitahu kepada pihak majlis dalam masa satu minggu sebelum melaksanakan kerja-kerja tanah dan dalam masa satu minggu selepas kerja-kerja tanah tersebut selesai.
- 1.5 Bagi maksud para 2.4 pihak jurutera perunding hendaklah juga mematuhi peraturan garis panduan perakuan siap pematuhan (CCC) dengan melengkapkan Borang G1, G2 dan G3 dan memaklumkan kepada pihak majlis.

### **2. Kerja Di Tapak**

- 2.1 Pokok-pokok di tapak tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak telah sedia untuk diusahakan.
- 2.2 Pemasangan dinding pelindung (hording) dikawasan tapak bina hendaklah dibuat dengan kukuh dan permit perlu diperolehi kepada pihak majlis.
- 2.3 Wash trough perlu dibina dibahagian laluan keluar masuk kenderaan dan tayar-tayar kenderaan hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum keluar ke jalan utama.
- 2.4 Pembinaan silt trap / sediment basin hendaklah dibuat serentak atau terlebih dahulu dengan kerje-kerja pemotongan dan penambakkan tanah.
- 2.5 Benting (earth bank), parit tanah (earthdrain) sementara perlu dibina serentak dengan pembinaan silt trap / sediment basin.
- 2.6 Kelodak atau pasir yang terdapat dalam silt trap / sediment basin perlu sentiasa dibersihkan secara berkala dan paip outlet atau struktur penapis tidak boleh tersumbat dengan kelodak lumpur.

- 2.7 Rumput-rumput perlu ditanam dengan segera di kawasan tanah cerun, kawasan penampan yang telah siap diusahakan untuk elak hakisan tanah.
- 2.8 Pemetongan tanah untuk cerun tanah asal adalah nisbah minima 1 : 1 berserta dengan tanaman rumput rapat (close turfing).
- 2.9 Penambakan tanah untuk membina cerun adalah nisbah minima 1 : 1.5 berserta dengan tanaman rumput rapat (close turfing).
- 2.10 Cerun bertingkat hendaklah tidak lebih 4m tinggi dan shoulder perlu dibina minima 1.5m berserta dengan Concrete Berm Drain.
- 2.11 Sediment Fence dan Silt Curtain dari geotextile perlu disediakan bagi kawasan yang berhampiran sungai, laut dan sempadan tanah individu untuk mengawal air lumpur yang boleh mengakibatkan pencemaran.
- 2.12 Habuk-habuk atau debu tanah perlu dikawal samada di tapak bina atau di jalan keluar masuk bagi mengawal pencemaran udara.
- 2.13 Segala kerja-kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan tanah atau kaedah penstabilan cerun melainkan dikecualikan oleh pihak majlis.
- 2.14 Bagi sisa-sisa tebing tanah yang melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk keping keluli dan yang tidak melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan kepingan kayu atau lain-lain cara bagi mengelakkan runtuh tanah.
- 2.15 Segala bahan buangan seperti kayu-kayu, keluli, kertas-kertas dan sampah sarap hendaklah dibersihkan ditapak sebelum tanah-tanah ditimbus atau dipadatkan bagi mengelakkan pemendapan tanah dan pereputan bahan buangan yang menyebabkan pembiakan serangga dan anai-anai.

## **(E) BUTIRAN JALAN**

### **1. Kehendak - Kehendak Am**

- 1.1 Jurutera perunding hendaklah mengesahkan setiap lapisan binaan jalan yang dibuat secara bertulis kepada pihak Majlis dan pemeriksaan akan dijalankan oleh pihak Majlis.
- 1.2 Panduan Arahan Teknik Jalan hendaklah dipatuhi iaitu Geomatic Design (8/86), Rekabentuk Struktur Jalan (5/85), Road Kerbs (8/86), Garisan Jalan (2D/85) dan Standard Traffic Signs (2B/85).

### **2. Struktur Jalan Raya Turapan Berbitumen (Flexible Pavement)**

- 2.1 Lebar Turapan Muka Jalan (pavement)
  - Rizab jalan 20 kaki - pavement 20 kaki.
  - Rizab jalan 40 kaki - pavement 24 kaki.

- Rizab jalan 50 kaki - pavement 24 kaki (minimum)
- Rizab jalan 66 kaki - pavement 24 kaki (minimum)
- Rizab jalan 100 kaki atau lebih 100 kaki - pavement Dual carriage way, central median dengan street lighting double arm.

## 2.2 Ketebalan lapisan jalan (minimum) :-

### 2.2.1 Lorong belakang dan tepi (pavement tidak melebihi 20 kaki).

- 50 mm Asphaltic Concrete Wearing Course (ACW 14).
- 65 mm Asphaltic Concrete Binder Course (ACB 20).
- 230 mm road base (crusher run).
- 50 mm sub base (sand).

### 2.2.2 Jalan utama depan kedai, pejabat, perdagangan dan rumah.

- 50 mm Asphaltic Concrete Wearing Course (ACW 14).
- 65 mm Asphaltic Concrete Binder Course (ACB 20).
- 300 mm road base (crusher run).
- 50 mm sub base (sand).

### 2.2.3 Jalan untuk kawasan industri.

- 60 mm Asphaltic Concrete Wearing Course (ACW 20).
- 70 mm Asphaltic Concrete Binder Course (ACB 28).
- 450 mm road base (crusher run).
- 150 mm sub base (sand).

### 2.2.4 Jalan Dual Carriage Way atau lebih.

- 60 mm Asphaltic Concrete Wearing Course (ACW 20).
- 70 mm Asphaltic Concrete Binder Course (ACB 28).
- 450 mm road base (crusher run).
- 150 mm sub base (sand).

2.3 Semua ketebalan lapisan yang tersebut di atas boleh berubah bergantung juga kepada rekabentuk jalan terhadap ujian tanah dan juga kekuatan ujian batu-batuan yang di jalan di makmal bertauliah.

2.4 Kerja-kerja turapan hendaklah dibuat dalam keadaan cuaca kering tidak hujan dan permukaan road base hendaklah kering serta bersih dari sebarang kotor-kotoran.

2.5 Prime coat (salut perdana) bitumen emulsion disembur dipermukaan road base (crusherrun) pada kadar 0.5 – 1.0 liter / meter persegi. Grade SS-IK atau SSI.

2.6 Tack coat (salut jelujur) bituminous disembur dipermukaan binder course pada kadar 0.25–0.55 liter/meter persegi Grade RS-I atau RS-1K.

2.7 Suhu premix semasa kerja-kerja pemadatan tidak kurang 110°C.

## 2.8 Lorong Belakang Dan Tepi :-

- 2.8.1 Bagi longkang tertutup (underground storm water pipe) aliran air muka jalan tidak boleh mengalir hingga kedinding bangunan. Satu apron concrete slab perlu dibina dengan minima lebar 600mm dan 50mm tinggi dari muka jalan untuk mengawal laluan air larian masuk kelubang gully trap dan air juga tidak mengganggu binaan tangga (jika ada).
- 2.8.2 Bagi aliran air untuk sebelah jalan (one side gully trap) cerun (camber) muka jalan hendaklah dibina dengan sempurna dengan maksima 1:40.

## 2.9 Jalan Hadapan Deretan Rumah

- 2.9.1 Bagi longkang tertutup (underground storm water pipe) pemasangan lubang gully trap tidak boleh dibuat di laluan jalan masuk (driveway) kedudukan lubang tersebut perlu ditempatkan dibahagian antara sempadan rumah atau dibahagian zon penampunan.

## 2.10 Jalan Hadapan Deretan Kedai / Pejabat

- 2.10.1 Di luar sempadan laluan kaki lima bangunan perlu disediakan satu 'apron slab' dengan minima lebar 1 meter dari sempadan hadapan bangunan untuk mengawal laluan air larian jalan, menyediakan ruang laluan utility seperti water paip air, penutup manhole parit, manhole down water pipe dan tangga ke kaki lima (jika ada).
- 2.10.2 Rekabentuk apron slab boleh dibuat dengan concrete slab, atau interlocking paver block dan road kerb perlu dibina dibahagian luar apron slab yang menghadap jalan.

## 2.11 Ujian Pembinaan Jalan Yang Perlu Dikemukakan :

- 2.11.1 Road base (crusherrun) CBR Value tidak kurang 80%.
- 2.11.2 Sub base (sand) CBR Value tidak kurang 20%.
- 2.11.2 Turapan Asphaltic Concrete.
  - Coring Test, kedudukan lubang akan ditentukan oleh pihak Majlis sendiri.
  - Bitumen Content untuk Wearing Course (5.0% – 7%) dan Binder Course (4.5% – 6.5%).



### **3. Struktur Jalan Konkrit (concrete pavement)**

- 3.1 Rekabentuk pembinaan jalan konkrit adalah dibenarkan atas sebab-sebab seperti berikut :-
  - 3.1.1 Dibuat dikawasan persimpangan jalan, tempat yang bercerun, dan tapak asas (sub base) CBR kurang dari 20% untuk elakkan hakisan pada muka haus dan pemendapan jalan.
  - 3.1.2 Dibuat dikawasan pemilikan individu seperti kawasan kilang dan hak milik strata.
  - 3.1.3 Rekabentuk dari segi ketebalan, kekuatan bahan dan tetulang adalah bergantung kepada penggunaan beban di atas jalan seperti kawasan perumahan atau kawasan perindustrian.

### **4. Struktur Jalan Konkrit Memanca (Interlocking concrete paving)**

- 4.1 Rekabentuk pembinaan jalan ini adalah dibenarkan dikawasan persimpangan jalan, tempat letak kenderaan, dan pemilikan individu atau hakmilik strata.
- 4.2 Rekabentuk ketebalan lapisan jalan sub base, road base adalah seperti rekabentuk jalan berturap asphaltic concrete.
- 4.3 Selepas lapisan road base satu lapisan pasir (Bedding) perlu diletakkan kemudian paving block dipasang dengan cara mengikat diantara satu sama lain dibuat rata atau kecerunan (camber) yang diperlukan.
- 4.4 Paving block bagi jalan utama laluan kenderaan perlu gunakan heavy duty minima 80mm tebal manakala tidak dilalui oleh kenderaan minima 60mm tebal.

### **5. Kecerunan Muka Jalan**

- 5.1 Bagi jalan biasa atau lurus keratan rentas (cross section) kecerunan (chamber) ialah 1 : 40 hingga 1 : 48.
- 5.2 Bagi jalan selekoh (corner) kecerunan sendeng ialah 1 : 40.
- 5.3 Bagi keratan memanjang kecerunan bukit tinggi yang dibenarkan ialah 1 : 10 hingga 1 : 12 untuk kecerunan biasa ialah 1 : 20.

### **6. Perabot Jalan (Road Furniture)**

- 6.1 Tembok penghadang (Guard rail) dari galvanised iron perlu dipasang di tepi jalan yang bersebelahan dengan parit utama (tiada rezab zon penampungan), tebing cerun, persimpangan jalan, dan dipenghujung jalan mati (jika ada).

- 6.2 Pagar besi keselamatan (Railing) dari galvanised iron perlu dipasang di tepi jalan yang bersebelahan parit-parit terbuka yang melebihi 750mm lebar, kawasan taman permainan dengan dicat warna kuning atau biru.
- 6.3 Papantanda nama taman, nama jalan dan lain-lain papantanda perlu mendapat persetujuan dari pihak majlis.
- 6.4 Rekabentuk papantanda kepingan aluminium 10 S.W.G. setebal 3mm menepati B.S. 1470, muka papantanda dari kepingan plastik high Intensity retro reflective dan asas tapak konkrit gred 20.

## **7. Tanda Jalan (Road Markings)**

- 7.1 Garisan jalan warna putih dan kuning dari Hot Thermoplastic. Bahan ini ada pembalikan cahaya apabila disuluh lampu.
- 7.2 Ketebalan lapisan garisan jalan warna putih 2mm dan garisan warna kuning 4mm.

## **8. Penanaman Rumput (Turfing)**

- 8.1 Rumput rapat (closeturf) ditanam rapat sehingga permukaan tanah tidak kelihatan.
- 8.2 Rumput jarang (spot / grid turf) ditanam pada grid jarak tidak melebihi 300mm pusat ke pusat (center to center).
- 8.3 Hydroseeding dengan kaedah menyembur biji benih rumput dicampur dengan air pada tanah menggunakan pam. Biasanya untuk tebing tanah cerun.
- 8.4 Bagi tanaman rumput biasa seperti di zon penampunan, bahu jalan dan hadapan rumah ialah dari jenis cow-grass. Carpet grass boleh digunakan dengan mendapat persetujuan dari pihak majlis.

## **(F) PARIT / LONGKANG / PEMBENTUNG**

### **1. Kehendak Am**

- 1.1 Semua jalan-jalan utama 4 lorong dan ke atas serta jalan masuk utama hendaklah dibina parit tepi jalan jenis terbuka (open channel) dari concrete precast atau cast in site.
- 1.2 Untuk kawasan paling rendah seperti di persimpangan jalan dan penghujung jalan hendaklah dibina lubang 'scupper drain' tanpa penutup (grating) dan rekabentuk hendaklah mengikut 'standart' MPJBT.

### **2. Struktur Rekabentuk**

- 2.1 Scupper drain dari longkang konkrit U channel jenis terbuka lebar 300 mm minima digunakan untuk semua

longkang jenis terbuka diperkuatkan dengan ikatan batu bata atau konkrit dikiri dan kanannya.

- 2.2 Buka lubang (Opening inlet) untuk air laluan jalan masuk ke lubang scupper drain boleh direkabentuk dengan pelbagai jenis dari blok konkrit supaya air mudah mengalir mengikut kelulusan pihak majlis.
- 2.3 Longkang tertutup bawah tanah (under ground storm water pipe) hendaklah jenis concrete pipes dan kedudukannya direzab bahu jalan dengan kedalaman minima 750 mm dari aras tanah atau aras atas jalan.
- 2.4 Saiz road gully trap berukuran 200mm X 375mm (ukuran dalam) dari jenis Hot Dipped Galvanised atau Fibreglass Reinforced Plastic (FRP) lulus SIRIM dengan jarak maksima 6.0 meter setiap satu untuk semua jenis jalan dan pemasangan perlu disesuaikan mengikut kedudukan di tapak.
- 2.5 Saiz minima longkang bawah tanah (storm water pipe) minima 600mm dan saiz paip alur masuk (scupper pipe) dari gully trap ke longkang minima 225 mm diameter (kecuali lorong belakang dan lorong tepi, saiz minima longkang adalah 450mm).
- 2.6 Saiz minima longkang dan paip alur masuk (scupper pipe) boleh dikurangkan untuk kawasan pemilikan individu seperti kawasan kilang, sekolah dan pam minyak.
- 2.7 Gully trap sisi dan penutup konkrit boleh dibenarkan di jalan-jalan utama atau yang mempunyai road kerb.
- 2.8 Bagi rekabentuk longkang pada lorong belakang dan lorong tepi, longkang hendaklah dibina di kiri kanan lorong bagi menampung air larian permukaan jalan dan air larian dari bangunan.
- 2.9 Manhole dan sump
  - 2.9.1 Lubang hendaklah dipastikan tiada air yang bertakung sebelum kerja konkrit tapak dibina.
  - 2.9.2 Kedudukan manhole atau sump hendaklah dibuat setiap persimpangan aliran longkang dan manhole longkang tertutup 30 m jarak maksima antara satu sama lain. Aliran air tidak boleh menyongsang melebihi 90°.
  - 2.9.2 Binaan dinding dibina apabila konkrit tapak cukup keras dan pastikan tiada runtuh tebing tanah.
  - 2.9.3 Luas bahagian dalam minima 1200mm X 1200mm.
  - 2.9.4 Tinggi leher manhole bertutup tidak melebihi 900mm.

- 2.9.5 Setiap lubang yang dalam melebihi 1200mm perlu disediakan tangga pemijak untuk keluar masuk.
- 2.9.6 Penutup manhole dipermukaan jalan dari Heavy Duty Cast Iron dan dibahagian bahu jalan dari Medium Cast Iron atau lain-lain jenis yang diiktiraf oleh SIRIM.
- 2.9.7 Penutup sump jenis grating dipermukaan jalan dan bahu jalan hendaklah dari Heavy Duty Mild Steel Grating atau lain-lain yang diiktiraf oleh SIRIM.
- 2.9.8 Kedudukan tidak dibenarkan di atas laluan jalan kecuali tempat-tempat yang tidak boleh dielakkan.
- 2.9.9 Segala lumpur-lumpur atau pasir hendaklah dibersihkan dan pemeriksaan akan dibuat oleh pihak majlis sebelum surat sokongan diberikan.
- 2.10 Kedudukan gully trap hendaklah jarak minima 500 mm dari tepi dinding / sempadan bangunan perlu dibina lebih rendah dari muka jalan untuk kawal air larian mudah masuk ke lubang gully.
- 2.11 Pembinaan lantai kaki lima (apron slab) perlu tinggi sedikit dari permukaan jalan supaya air larian mudah masuk ke lubang gully.
- 2.12 Pembentung (culvert)
  - 2.12.1 Pembentung paip (pipe culvert) dan pembentung kekotak (Box culvert) yang merentas laluan jalan perlu ada binaan manhole atau sump dikedua-dua hujung.
  - 2.12.2 Saiz minima pembentung paip adalah 750mm diameter (pipe culvert) atau 600mm X 600mm (Box culvert) saiz pembentung bergantung juga pada saiz longkang air masuk dan keluar dari pembentung.
  - 2.12.3 Saiz pembentung hendaklah lebih besar dari saiz longkang dibahagian inlet dan outlet pembentung mengikut sebagaimana kelulusan pelan.
  - 2.12.4 Pembinaan jenis parit terbuka perlu dipastikan kecerunan tebing tanah mematuhi kelulusan pelan dan rumput rapat perlu ditanam bagi elak hakisan tanah.
  - 2.12.5 Dibahagian outlet parit ke longkang besar atau ke Kolam Takungan atau Sungai dibolehkan pemasangan trash screen perangkap sampah (jika perlu).

- 2.13 Ujian kecerunan parit tertutup dan pembentung akan dilakukan dengan lontaran (balingan) bola tenis antara manhole ke manhole supaya kecerunan dan longkang tersumbat dapat dikenalpasti.

## JADUAL PENGIRAAN FEE PELAN

Bil	Perkara	Unit / Kuantiti	Kadar RM	Jumlah RM
1	Kerja tanah Am (permukaan rata)	..... hektar atau kurang dari se hektar	250.00 atau minima 200.00	..... .....
2	Kerja tanah tidak melebihi 6 meter tinggi. 2.1) 500 meter padu pertama 2.2) 100 meter padu tambahan	..... = .....m3 500 ..... = .....m3 100	65.00 12.50	..... .....
3	Kerja tanah yang melebihi 6 meter tinggi tetapi tidak melebihi 12 meter tinggi. 3.1) 500 meter padu pertama 3.2) 100 meter padu tambahan	..... = .....m3 500 ..... = .....m3 100	97.50 18.75	..... .....
4	Kerja tanah yang melebihi 12 meter tinggi. 4.1) 500 meter padu pertama 4.2) 100 meter padu tambahan	..... = .....m3 500 ..... = .....m3 100	130.00 25.00	..... .....
5	Kerja jalan dan perparitan (jika permohonan berasingan dengan kerjatanah) 5.1) Luas setiap hektar tambahan	..... hektar atau kurang dari se hektar ..... hektar	250.00 atau minima 100.00 10.00	..... ..... .....
6	Tembok penahan atau struktur pencegah hakisan tanah / cerun 6.1) setiap 9 meter persegi	..... = ..... 9	20.00 atau minima 20.00	..... .....
7	Jambatan atau Dermaga 7.1) setiap 9 meter persegi	..... = ..... 9	25.00 atau minima 25.00	..... .....

8	Pindaan ke atas pelan lulus  8.1) Pindaan kecil pada susunatur atau lain-lain butiran.  8.2) Pindaan melibatkan tambahan luas kawasan atau struktur hendaklah lebih itu dikira mengikut sebagaimana permohonan baru di atas.  8.3) Pindaan melibatkan perubahan besar kepada pelan susunatur asal hendaklah diproses kiraan mengikut sebagaimana permohonan baru di atas dan tidak boleh dianggap pindaan.	..... helai  -  -	60.00  -  -	.....  -  -
			Jumlah	

**Nota :**

1. Pemulangan Balik Fee Pelan

1.1 Separuh fee pelan boleh dibayar balik ke atas permohonan apabila :-

- i) Sesuatu pelan ditarik balik sebelum diluluskan oleh pihak majlis dalam tempoh satu tahun dari tarikh mengemukakannya.
- ii) Sesuatu pelan yang tidak diluluskan oleh pihak majlis.
- iii) Notis pembatalan projek diterima dalam tempoh satu tahun selepas tarikh pelan diluluskan.

1.2 Tiada apa-apa pembayaran balik fee dibuat di atas pemohon jika pemberhentian atau pembatalan projek atas arahan pihak majlis dengan sebab-sebab keselamatan atau ketidakpatuhan kelulusan pelan.

1.3 Fee penuh perlu dibayar jika sesuatu pelan itu dikemukakan semula.

2. Penambahbaikan garis panduan yang tersebut di atas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am (JKKPA : 176/2009) bilangan 12/2009 dan diluluskan dalam Mesyuarat Penuh 31 Disember 2009.

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI)**

**Borang E1**

**PERAKUAN PELAN-PELAN KERJA TANAH / INFRASTRUKTUR**

Tarikh :

Kepada

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Dengan ini saya / kami .....memperakukan bahawa semua penentuan-penentuan dan butir yang terkandung di atas pelan, kiraan dan spesifikasi adalah betul dan menepati tatasusila-tatasusila, amalan dan piawaian yang dinyatakan di dalam Seksyen 70A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, 1995).

Saya juga bertanggungjawab ke atas kerja-kerja mengawasi bagi projek ini iaitu :

.....  
.....  
.....

..... di atas Lot :

..... Jalan .....

Tandatangan Perunding : .....

Nama Perunding : .....

Alamat Perunding : .....

.....

.....

Saya / Kami ..... pemilik / pemaju bagi cadangan pembangunan berkembaran dengan ini mengesahkan bahawa Jurutera Perunding tersebut di atas telah dilantik oleh saya / kami untuk memajukan pelan-pelan bagi pihak saya / kami.

Saya / Kami juga bersedia menanggung sebarang kerosakan ke atas harta benda awam dan persendirian semasa kerjatanah dijalankan.

Tandatangan Pemaju : .....

Nama Pemaju : .....

Alamat Pemaju : .....

.....

.....

Luas Tanah ..... Hektar / Meter Persegi



**UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH  
(MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI)**

**Borang E1**

**PERAKUAN PELAN-PELAN KERJA TANAH / INFRASTRUKTUR**

Tarikh :

Kepada

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Dengan ini saya / kami .....memperakukan bahawa semua penentuan-penentuan dan butir yang terkandung di atas pelan, kiraan dan spesifikasi adalah betul dan menepati tatasusila-tatasusila, amalan dan piawaian yang dinyatakan di dalam Seksyen 70A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, 1995).

Saya juga bertanggungjawab ke atas kerja-kerja mengawasi bagi projek ini iaitu :

.....  
.....  
.....

..... di atas Lot :

..... Jalan .....

Tandatangan Perunding : .....

Nama Perunding : .....

Alamat Perunding : .....

.....

.....

Saya / Kami ..... pemilik / pemaju bagi cadangan pembangunan berkembaran dengan ini mengesahkan bahawa Jurutera Perunding tersebut di atas telah dilantik oleh saya / kami untuk memajukan pelan-pelan bagi pihak saya / kami.

Saya / Kami juga bersedia menanggung sebarang kerosakan ke atas harta benda awam dan persendirian semasa kerjatanah dijalankan.

Tandatangan Pemaju : .....

Nama Pemaju : .....

Alamat Pemaju : .....

.....

.....

Luas Tanah ..... Hektar / Meter Persegi

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI**

**Borang E2**

**NOTIS UNTUK MEMULAKAN / PENYAMBUNGAN SEMULA KERJA TANAH / INFRASTRUKTUR**

Tarikh :

Kepada

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disini saya / kami memberi notis bahawa kerjatanah / infrastruktur bagi tapak sebagaimana dinyatakan di bawah akan dimulakan / disambung semula.

Bil. Fail: .....

Bil. Pelan: .....

Tarikh Pelan Diluluskan: .....

Bil. Lot: .....

Jalan : .....

Kawasan: .....

.....

Projek akan dimulakan pada hari ..... bersamaan .....  
Haribulan ..... 20 ..... dan akan bertanggungjawab memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna sebagaimana syarat-syarat pelan yang telah diluluskan.

.....

Jurutera

Nama : .....

Alamat: .....

.....

.....

**Nota:** Borang ini hendaklah sampai ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri selewat - lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh memulakan pembinaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 1

PERAKUAN BERPERINGKAT : KERJA-KERJA TANAH

[ Undang-undang kecil 25 atau 27 ]

Tajuk Projek :

.....  
.....  
.....

\* 1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan bagi kerja/kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah menurut Pelan Kerja Tanah yang Diluluskan No. Ruj : ..... Dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanda itu.

	Nama (Perseorangan)	#. Pendaftaran	Tandatangan
a)	Kontraktor _____	_____ (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	_____ (Tarikh : _____ )
b)	Orang yang _____ mengemukakan	_____ (Lembaga Jurutera Malaysia)	_____ (Tarikh : _____ )

ATAU

\* 2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

+ Badan kawal selia yang berkaitan

# No. Kad Pengenalan, jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan

\*\* Sijil Kelayakan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mesti dilampirkan

\* Potong mana yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 2

PERAKUAN BERPERINGKAT : PEMANCANGAN TANDA

[ Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek :

.....  
.....  
.....

\* 1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pemancangan tanda dan kepercayaan kami kerja itu menurut pelan yang diluluskan No. Ruj : ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pemancangan tanda itu.

	Nama (Perseorangan)	#. Pendaftaran	Tandatangan
a)	Kontraktor _____	_____ (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	_____ (Tarikh :        )
b)	Juruukur Tanah _____ Berlesen	_____ (Lembaga Juruukur Tanah Malaysia)	_____ (Tarikh :        )
c)	Orang utama _____ yang mengemukakan	_____ (*Lembaga Arkitek Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia)	_____ (Tarikh :        )

ATAU

\* 2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

# No. Kad Pengenalan, jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 3

PERAKUAN BERPERINGKAT : ASAS TAPAK

[ Undang-undang kecil 25 atau 27 ]

Tajuk Projek :

.....  
.....  
.....

\* 1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja itu adalah menurut Pelan yang didepositkan No. Ruj : ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak itu.

	Nama (Perseorangan)	#. Pendaftaran	Tandatangan
a)	Kontraktor _____	_____ (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	_____ (Tarikh : _____ )
b)	Orang yang _____ Berlesen mengemukakan	_____ (Lembaga Jurutera Malaysia)	_____ (Tarikh : _____ )

ATAU

\* 2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

# No. Kad Pengenalan, jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan

\* Potong mana yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 17

PERAKUAN BERPERINGKAT : JALAN DAN PARIT

[ Undang-undang kecil 25 atau 27 ]

Tajuk Projek :

.....  
.....  
.....

\* 1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja itu adalah menurut pelan yang diluluskan No. Ruj : ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit itu.

	Nama (Perseorangan)	#. Pendaftaran	Tandatangan
a)	Kontraktor _____	_____ ( Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	_____ (Tarikh : _____ )
b)	+Orang _____ yang mengemukakan)	_____ (Lembaga Jurutera Malaysia)	_____ (Tarikh : _____ )

ATAU

\* 2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. Kad Pengenalan, jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan.
- + Surat Pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan/Jabatan Kerja Raya mesti dilampirkan. Jika orang yang mengemukakan tidak menerima pengesahan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan, surat pengesahan adalah telah dianggap telah diberikan
- \* Potong mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 19

PERAKUAN BERPERINGKAT : PARIT LUARAN UTAMA

[ Undang-undang kecil 25 atau 27 ]

Tajuk Projek :

.....  
.....  
.....

\* 1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran utama dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja itu adalah menurut pelan yang diluluskan No. Ruj : ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran itu.

	Nama (Perseorangan)	#. Pendaftaran	Tandatangan
a)	Kontraktor _____	_____ ( Suruhjaya Pembangunan ) Industri Pembinaan)	_____ (Tarikh : _____ )
b)	*Orang _____ yang mengemukakan)	_____ (Lembaga Jurutera Malaysia)	_____ (Tarikh : _____ )

ATAU

\* 2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

# No. Kad Pengenalan, jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan.

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

